

# DALAM NEGERI

Sempena Hari Keputeraan Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan

## 831 terima darjah, pingat

Oleh **DIANA AZIS**  
 pengarang@utusan.com.my

■ **SEREMBAN 13 JAN.**

**S**ERAMAI 831 individu dipilih menerima darjah, bintang dan pingat kebesaran sempena Hari Keputeraan Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Tuanku Munawir Ke-69, esok.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mat Ali Hassan berkata, penganugerahan tersebut akan berlangsung di Balairong Seri Istana Besar Seri Menanti, Kuala Pilah bermula 19 Januari.

"Tahun ini akan diadakan empat sesi penganugerahan yang bermula pada 19 Januari diikuti sesi kedua pada 26 Januari, 14 Februari dan akhir sekali pada 2 Mac.

"Kesemua sesi akan diadakan di Istana Besar Seri Menanti Kuala Pilah dan dimulakan dengan perbarisan kawalan hormat bermula 10 pagi," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Pada majlis tersebut, Pakar Perunding Kanan Perubatan Hospital Tuanku Jaafar, Datuk Dr. K. Sree Raman mengetuai senarai dengan menerima Darjah Seri Setia Tuanku Muhriz (SSTM) yang membawa gelaran Datuk Seri.

Bagi Darjah Seri Setia Negeri Sembilan (SSNS) pula, Mat Ali sendiri mengetuai senarai empat penerima yang turut membawa gelaran Datuk Seri termasuk bekas Hakim Mahkamah Rayuan, Datuk Azhar Maah dan Datuk Mohd. Hishamudin Md. Yunus serta Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali.

Bagi Darjah Dato' Paduka Negeri Sembilan (DPNS) yang membawa gelaran Datuk, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Linggi, Abdul Rahman Mohd. Redza mengetuai senarai lapan penerima termasuk ADUN Gemencheh, Mohd. Isam Mohd. Isa serta Ketua Polis negeri,



**MAT ALI HASSAN**



**RAJA SALBIAH TENGKU NUJUMUDDIN**



**JAAFAR MOHD. YUSOF**



**ABDUL RAHMAN MOHD. REDZA**



**DR. NOOR AZLAN GHAZALI**



**DR. ZULKIPLE ABD. GHANI**

Datuk Jaafar Mohd. Yusof.

Turut menerima darjah berkenaan, Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Negeri Sembilan, Siti Mariam Othman; Penolong Ketua Staf Kejuruteraan Markas Tentera Udara, Mejar Jeneral Datuk Ir. Razali Abd Ghani; peguam Lim Chee Wee serta Timbalan Ketua bahagian Kardiologi, Institut Jantung Negara, Datuk Dr. Amin Ariff Nuruddin.

Sementara itu, dua individu akan menerima Darjah Setia Tuanku Muhriz Yang Amat Gemilang (DSTM) yang turut membawa gelaran Datuk terdiri daripada Yang Dipertua Persatuan Kebajikan Isteri Wakil Rakyat dan Pegawai-pegawai Kanan Negeri Sembilan (Pekerti), Raja Datin Seri Salbiah Tengku Nujumuddin

dan pakar runding anesthesiologi dan rawatan, Hospital Canselor Tuanku Mukhriz, Dr. Wan Rahiza Wan Mat.

Seramai 31 penerima pula bakal menerima Darjah Setia Bakti Negeri Sembilan (DBNS) yang juga membawa gelaran Datuk.

Antaranya ialah Pengarah Jabatan Kerja Raya negeri, Abdul Karim Mohd. Tahir; Pengarah Jabatan Kesihatan negeri, Dr. Abdul Rahim Abdullah; Pengarah Peperangan Informasi Bahagian Staf Perisikan Pertahanan, Brig. Jeneral Basri Kasban; Panglima 1 Briged Kem Rasah, Brig. Jeneral Datuk Mohd. Sofi Md. Lepi; Naib Presiden Perodua Auto Corporation Sdn. Bhd., Zainal Abidin Ahmad serta Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa Uni-

versiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof. Dr. Zulkiple Abd. Ghani.

Antara penerima lain ialah Penolong Ketua Pengarah (Operasi Kebombaan) di Ibu pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat, Zulkarnain Mohd. Kassim; ahli perniagaan, Ir. Zulkefli Mustaffa dan peguam Mohammed Rhiza Ghazali.

Seramai 40 orang menerima Darjah Setia Negeri Sembilan (DNS), lapan penerima bagi Darjah Tuanku Muhriz (DTM) dan 16 penerima Darjah Pekerti Terpilih (DPT).

Sementara itu, wartawan *Kosmo!* Biro Negeri Sembilan, Ku Mohd. Rizduan Ku Abdul Rahman tersenarai di antara 366 penerima Pingat Jasa Kebaktian (PJK) pada majlis berkenaan.